

Perdana Menteri akan rombak Kabinet

BH 10 JAN 2001 BH 10 JAN 2001

SUBANG, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengesahkan akan merombak Kabinetnya tetapi enggan memberi sebarang petunjuk mengenai kemungkinan beberapa menteri digugurkan.

“Insya-Allah, mudah-mudahan tak lama lagi. Ini kerajaan, kita kena kaji betul-betul. Ia bukan boleh dibuat sambil lewa,” katanya keti-

ka ditanya bila rombakan itu akan dilakukan.

Perdana Menteri menjawab soalan pemberita se kembalinya dari lawatan kerja ke Myanmar di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini, petang ini.

Beliau menolak kemungkinan pengumuman rombakan Kabinet itu dilakukan selepas mesyuarat Jemaah

Menteri esok.

Katanya, beliau memerlukan masa untuk mengkajinya secara mendalam.

“Tak bolehlah esok. Sebelum akhir bulan ini ke, sebelum akhir tahun ke, lebih kurangnya. Berilah peluang saya fikir dulu.

“Ini perkara serius, bukan nak bentuk jawatankuasa tanyam semula.

“Ini Kabinet, mengambil

masa sikit. Saya nak kena hadir mesyuarat Kabinet (esok), Kabinet ada pendapat apa ke, kita dengarlah,” katanya.

Ditanya sama ada beberapa menteri akan digugurkan atau sama ada wanita akan dimasukkan ke dalam barisan baru Kabinet, Dr Mahathir bagaimanapun, enggan mengulas.

Bagaimanapun, katanya,

kekosongan yang ditinggalkan oleh Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman di Jabatan Perdana Menteri (JPM) perlu diisi.

“Dia (Abdul Hamid) letak jawatan tetapi saya berpendapat bahawa Datuk Hamid masih boleh menyumbang kepada kerajaan, mungkin dalam bidang atau jawatan lain,” katanya.

Mengenai kemungkinan

rombakan itu dilakukan secara besar-besaran, beliau secara berseloroh berkata, ia akan menjadi besar kalau dibandingkan dengan yang kecil tetapi kecil berbanding yang besar.

Peletakan jawatan Abdul Hamid, Jumaat lalu menghangatkan spekulasi rombakan Kabinet walaupun Dr Mahathir pernah menafikannya sebelum ini.